

Lesen boleh ditarik jika mutu perkhidmatan air tak berubah – SPAN

Oleh FARAH SHAZWANI ALI [Follow](#) 17 Januari 2024 11:47am Masa membaca: 4 minit



Gambar hiasan

PUTRAJAYA - Operator air di setiap negeri perlu memastikan mutu perkhidmatan dan sistem bekalan air bertambah baik, seiring dengan keputusan kerajaan Persekutuan membuat pelarasan tarif air berkuat kuasa 1 Februari ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Datuk Ahmad Faizal Abdul Rahman berkata, kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan mereka dikenakan tindakan tegas, termasuk lesen ditarik, denda atau hukuman yang lebih tinggi.

"Apabila operator air di setiap negeri masing-masing menjana pendapatan tambahan untuk membolehkan mereka menampung keperluan perbelanjaan operasi (opex), kita jangkakan mereka akan melaksanakan pembangunan infrastruktur sistem bekalan air.

"Kita sudah beri sedikit ruang dengan tahap kewangan yang lebih bagus, kita harap operator air tambah baik perkhidmatan.

"Sebelum ini peluang sudah diberikan lama dan faham dengan situasi kewangan mereka.

"Jadi, selepas benarkan mereka stabilkan kewangan dengan 'opex', kita mahu

"Sekiranya tiada, dengan izin Jemaah Menteri, keputusan drastik akan dibuat," katanya ketika Sesi Bersama Editor Media: Pelarasan Tarif Demi Meningkatkan Tahap Perkhidmatan Bekalan Air bertempat di Hotel Pulse Grande, di sini pada Selasa.

Turut hadir, Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Daya Guna Awam, Akmal Nasrullah Mohd Nasir; Timbalan Ketua Setiausaha (Air dan Pembetungan), Datuk Razali Mohamad; Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Charles Santiago dan Pengarah Kanan Bahagian Pelesenan dan Tarif SPAN, Izan Aziati Samsuri.

Tambah Ahmad Faizal, sebagai sebuah badan kawal selia perkhidmatan bekalan air dan pembetungan di Semenanjung Malaysia, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan, suruhanjaya itu mempunyai kaedah untuk memantau operator air di setiap negeri.

"Sebelum ini, belum ada operator air yang ditarik lesen.

"Seandainya ia berlaku, ada proses yang akan diikuti, antaranya SPAN dibenarkan untuk melantik sesiapa sahaja untuk mengambil alih.

"Maksudnya, operator air itu ada tapi yang menguruskannya akan dilantik oleh SPAN.

"Kita berhak menggantikan semua atau mana-mana (peringkat pengurusan) yang sesuai," jelasnya.